

DS Factor mampu percepat sembuh sel tumor

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) percaya berjaya menemukan kaedah rawatan alternatif menggunakan herba bagi mempercepatkan penyembuhan sel kanser.

Penyelidik di Jabatan Sains Bio-Perubatan UPM, Profesor Dr Latifah Saiful Yazan, berkata produk yang diberi nama DS Factor adalah berbentuk minuman dan mampu digunakan sebagai makanan tambahan untuk pesakit kanser.

Pelengkap perubatan moden

"Kajian saintifik yang dijalankan UPM menunjukkan DS Factor adalah pelengkap kepada perubatan moden kerana ia mempercepatkan penyembuhan sel tumor dalam masa tiga bulan.

"Kandungan antioksidan



Latifah menunjukkan produk DS Factor pada sidang media di UPM, semalam.
[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

tinggi dalam minuman herba ini boleh menyekat pembentukan tumor, selain bersifat antikanser yang mencegah pembentukan sel itu," katanya pada sidang media di

UPM, semalam.

Latifah yang juga pensyarah di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan universiti itu berkata, kajian saintifik ke atas tikus menunjukkan DS

Factor berjaya merawat kanser kolon yang dihadapi haiwan itu, berbanding haiwan yang tidak dirawat dengan-nya.

Katanya, ujian toksisiti turut membuktikan tiada kesan sampingan akibat penggunaan DS Factor.

Cari alternatif baru

"Kanser adalah masalah besar kesihatan dunia, rawatan yang mahal meninggalkan impak bukan saja kepada pesakit, malah ahli keluarga. Atas kesedaran ini, UPM berusaha mencari alternatif baru melalui penyelidikan dan kajian intensif.

"Penemuan ini diharap dapat membantu pesakit yang berpendapatan rendah kerana kos yang murah berbanding produk sedia ada," katanya.